

PILIH DESTINASI ANDA



LINDUNGI KEPALA ANDA GUNAKAN TOPI KELEDAR

SISTEM KUALITI

SIRIM

Gunakan hanya topi keledar yang diluluskan oleh SIRIM

Untuk perlindungan tambahan gunakan topi keledar yang bertutup untuk ruangan muka (fullface helmet)



Sentiasa pastikan tali topi keledar diikat dengan sempurna. Jika longgar atau tidak diikat dengan betul, ianya akan tertanggal atau pecah semasa

berlaku kemalangan (Adalah menjadi kesalahan jika anda tidak mengikat tali topi keledar dengan sempurna semasa memakainya)



Pembonceng juga diwajibkan



memakai topi keledar dan mengikat talinya dengan sempurna

PENUNGGANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MENJAMIN KESELAMATAN SEMUA

1

Bertimbangrasa terhadap pengguna lain Bersopan di jalanraya

2

Mematuhi hadlaju yang ditetapkan

3

Patuhi SEMUA undang-undang dan peraturan jalan raya



TIP UNTUK

MENJADI PEMANDU BIJAK

KENALILAH MOTOSIKAL ANDA

- Baca dan fahami buku panduan yang disediakan
- Periksa motosikal anda untuk memastikan ia di dalam keadaan yang baik, terutama lampu hadapan dan belakang, brek, tayar dan lain-lain peralatan
- Ketahuilah kebolehan dan kekurangannya
- Jangan ubahsuai motosikal anda
- Elakkan membawa muatan berlebihan kerana ia mengganggu keupayaan anda mengawal motosikal
- Membawa penumpang lebih dari seorang adalah berbahaya dan melanggar undang-undang



JAGALAH MOTOSIKAL ANDA DENGAN BAIK

- Patuhi jadual servis yang disyorkan untuk motosikal anda
- Dapatkan perkhidmatan penyelenggaraan profesional
- Tukar alat yang rosak dengan segera



MUDAH DILIHAT SEMASA MENUNGGANG

- Pasang lampu besar hadapan semasa menunggang
- Pastikan lampu belakang berfungsi
- Gunakan jalur pantulan cahaya di bahagian belakang topi keledar dan motosikal

KETAHUILAH KEADAAN JALANRAYA

- Elakkan jalan yang berbahaya
- Berjaga-jaga jika terdapat minyak di jalan
- Berhati-hati terhadap habuk dan bonggol
- Pandu dengan kelajuan yang sederhana supaya anda boleh berhenti sekiranya berlaku kecemasan

PENUH TUMPUAN SEMASA MENUNGGANG

- Tumpuan 100% perhatian kepada pemanduan anda
- Jangan merokok semasa menunggang
- Jangan menunggang selepas meminum minuman beralkohol atau ubat-ubat yang boleh mengkhayalkan
- Jangan menunggang jika anda merasa letih atau mengantuk
- Rancang perjalanan anda



PAKAI KASUT YANG SESUAI SEMASA MENUNGGANG



SEMASA BERLAKU KEMALANGAN. AMBIL LANGKAH-LANGKAH BERIKUT:

KRITIKAL

Jika berlaku kecederaan teruk di kepala lakukan 'First Responder Life Support' dan hantar ke Hospital



SEPARA KRITIKAL

Jika ada tanda-tanda patah anggota, jangan gerak-gerakkan anggota tersebut. Hantar segera ke Hospital

Jika berlaku pendarahan balut luka, tinggikan anggota yang cedera dan hantar mangsa ke hospital dengan segera



TIDAK KRITIKAL

Jika ada luka kecil, calar-calar dan bengkak, berikan pertolongan cemas dan rujuk ke Klinik Kesihatan terdekat



Penunggang Bertanggungjawab Sentiasa Bersedia Menghadapi Sebarang Kemungkinan